



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 25

20hb Jun 2024

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 19.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

**PERATURAN-PERATURAN PELESENAN PEMBUANGAN AIR KEMBALIAN,
DAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN BUANGAN DAN
BAHAN PENCEMAR (NEGERI SELANGOR) 2024**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Permohonan lesen
4. Pengeluaran lesen
5. Syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen
6. Tempoh lesen

Peraturan

7. Deposit atau sekuriti
8. Pembayaran fi
9. Fi tidak boleh dibayar balik
10. Pembaharuan lesen
11. Lesen hendaklah dipamerkan atau dikemukakan
12. Perubahan maklumat
13. Lesen tidak boleh dipindah milik
14. Pembatalan lesen
15. Lesen disifatkan terbatal
16. Penggantian lesen
17. Lesen bersesama
18. Pengecualian

BAHAGIAN III

PEMBUANGAN AIR KEMBALIAN, DAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN
BAHAN BUANGAN DAN BAHAN PENCEMAR KE DALAM SUMBER AIR

19. Titik pelepasan akhir
20. Caj air kembalian
21. Caj kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai
22. Had piawai bagi parameter kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam sumber air
23. Anggaran
24. Peruntukan berkenaan premis
25. Langkah mitigasi tumpahan, kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar
26. Pencairan bahan buangan dan bahan pencemar
27. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN IV

KAWALAN AM

28. Kawalan am pembuangan air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar
29. Pemeriksaan pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen

BAHAGIAN V

AM

Peraturan

30. Penalti am
31. Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain
32. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN PELESENAN PEMBUANGAN AIR KEMBALIAN, DAN
KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN BUANGAN DAN BAHAN PENCEMAR
(NEGERI SELANGOR) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 44, 59, 79 dan 127 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2 tahun 1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalikan, dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air kembalikan” ertinya air yang dipulangkan atau dibuang ke dalam sumber air daripada apa-apa aktiviti yang dilesenkan;

“aktiviti yang dilesenkan” ertinya aktiviti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;

“akuakultur” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2 tahun 1999*];

“had piawai” ertinya had piawai kemasukan atau pelepasan A dan had piawai kemasukan atau pelepasan B dalam Jadual Ketiga;

“kerja tanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian II Peraturan-Peraturan ini;

“parameter” ertinya apa-apa faktor yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah;

“pembangunan” ertinya menjalankan apa-apa kerja, bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain seumpamanya pada, di dalam atau di atas mana-mana sumber air;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini dan termasuk mana-mana orang yang menjalankan kawalan terhadap aktiviti yang dilesenkan;

“pemunya” termasuklah—

(a) berhubung dengan mana-mana premis, ertinya—

- (i) pemunya yang sah premis itu;
- (ii) penerima pajak atau pemajak kecil premis itu;
- (iii) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii);
- (iv) jika pemunya yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) tidak boleh dikesan atau telah mati, wakil diri pemunya yang sah; atau
- (v) penyewa bagi mana-mana premis sama ada atas dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah;

(b) pemunya berdaftar tanah yang bersebelahan dengan sumber air;

(c) pemunya berdaftar vesel itu; dan

(d) pemunya berdaftar kenderaan itu; dan

“perladangan unggas” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007 [*Enakmen No. 3 tahun 2007*].

BAHAGIAN II

PELESENAN

Permohonan lesen

3. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun boleh membuang apa-apa air kembalian, atau menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Pemohon hendaklah membayar fi pendaftaran seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua apabila permohonan dikemukakan dan fi pendaftaran itu tidak boleh dibayar balik sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pengarah.

(4) Suatu permohonan bagi lesen di bawah subperaturan 3(1) hendaklah disertakan dengan perincian cadangan aktiviti atau pembangunan dan impak aktiviti atau pembangunan itu terhadap sumber air dan mana-mana orang yang berkaitan dengannya.

(5) Pemohon hendaklah memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah semasa permohonan dibuat.

Pengeluaran lesen

4. (1) Pengarah boleh, setelah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan bagi lesen di bawah peraturan 3, meluluskan atau menolak permohonan itu dan memberitahu pemohon mengenai keputusannya itu melalui apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

(2) Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai akses ke dalam mana-mana premis dan tempat untuk memeriksa atau mengenal pasti punca dan titik pelepasan akhir pembuangan air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar sebelum lesen dikeluarkan.

(3) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen di bawah peraturan 6;
- (b) syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang ditentukan oleh Pengarah;
- (c) bayaran deposit atau sekuriti di bawah peraturan 7; dan
- (d) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

Syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen termasuklah tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) mengemukakan laporan kepada Pengarah berkenaan dengan maklumat, data, pelan dan peta aktiviti yang dilesenkan apabila dikehendaki oleh Pengarah;
- (b) memaklumkan kepada pegawai yang diberi kuasa dengan serta-merta berkenaan sebarang kejadian atau kemalangan yang mungkin akan mengakibatkan kesan buruk terhadap mana-mana sumber air atau persekitarannya;

- (c) larangan mengubah atau mengganggu atau menyebabkan atau membenarkan diubah atau diganggu kawasan tebing atau sumber air kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
 - (d) larangan mendirikan atau membina mana-mana bangunan atau struktur di sepanjang mana-mana tebing atau kawasan dalam lima puluh meter dari tebing itu kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
 - (e) sebarang niat untuk meninggalkan atau menamatkan sebarang aktiviti yang dilesenkan hendaklah dimaklumkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah;
 - (f) mengemukakan laporan pemantauan kualiti bagi kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar setiap tiga bulan atau apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pengarah dengan kos perbelanjaannya ditanggung sendiri oleh pemegang lesen; dan
 - (g) mematuhi semua arahan dan perintah yang dikeluarkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.
- (2) Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen.
- (3) Bagi maksud perenggan 5(1)(f), pemegang lesen boleh menghantar sampel bahan buangan dan bahan pencemar untuk dianalisis —
- (a) ke makmal Lembaga tertakluk kepada bayaran analisa sampel sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima; atau
 - (b) mana-mana makmal yang diakreditasi yang ditentukan oleh Lembaga.

Tempoh lesen

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah bagi tempoh selama satu tahun atau suatu tempoh yang ditentukan oleh Pengarah bermula dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

Deposit atau sekuriti

7. (1) Lembaga boleh menghendaki mana-mana pemegang lesen membayar deposit atau sekuriti sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus ribu ringgit untuk memastikan bahawa peruntukan Enakmen, Peraturan-Peraturan ini, syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen dipatuhi.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar keseluruhan atau sebahagian deposit atau sekuriti.

(3) Jika lesen telah dibatalkan di bawah peraturan 14, Pengarah boleh merampas deposit atau sekuriti sepenuhnya atau sebahagiannya.

(4) Pembayaran deposit atau sekuriti di bawah peraturan ini hendaklah, melainkan dirampas menurut subperaturan (3), dibayar balik kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian aktiviti yang dilesenkan.

Pembayaran fi

8. Fi yang kena dibayar boleh dibuat melalui cara yang berikut:

- (a) secara tunai di kaunter Lembaga;
- (b) secara kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Lembaga;
- (c) melalui kad kredit, kad debit atau pemindahan wang secara elektronik; atau
- (d) apa-apa cara bayaran sebagaimana ditentukan oleh Pengarah.

Fi tidak boleh dibayar balik

9. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dibayar balik.

Pembaharuan lesen

10. (1) Seorang pemegang lesen boleh memohon untuk membaharui lesen itu kepada Pengarah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Suatu permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen.

(3) Bagi maksud peraturan ini, Pengarah boleh—

- (a) menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan semasa mengemukakan permohonan pembaharuan lesen;
- (b) membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu; dan
- (c) menghendaki pemohon untuk menyelesaikan apa-apa bayaran berkaitan lesen itu atau pembayaran penuh kompaun kepada Lembaga sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(4) Suatu permohonan membaharui lesen yang dibuat selepas tamat tempoh lesen hendaklah tertakluk kepada pengenaan fi lewat tidak melebihi sepuluh ringgit bagi setiap hari kelewatan itu.

(5) Tiada deposit atau sekuriti lanjut perlu diberi oleh pemegang lesen jika lesennya diperbaharui.

Lesen hendaklah dipamerkan atau dikemukakan

11. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di lokasi aktiviti yang dilesenkan atau mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai yang diberi kuasa.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “lesen” termasuklah salinan pendua lesen itu yang disahkan oleh Pengarah sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Perubahan maklumat

12. (1) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada maklumat yang dikemukakan di bawah peraturan 3 dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.

(2) Apabila perubahan maklumat dibuat menurut subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen kepada Pengarah untuk meminda maklumat atau butir-butir lesen itu tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Lesen tidak boleh dipindah milik

13. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dipindah milik tanpa kelulusan Pengarah dan tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan untuk memindah milik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Pemohon hendaklah memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah semasa permohonan pindah milik lesen dibuat.

Pembatalan lesen

14. (1) Pengarah boleh membatalkan suatu lesen, jika berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (b) pemegang lesen gagal mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam lesen; atau
- (c) pemberian lesen disebabkan oleh salah nyataan dalam mengemukakan dokumen atau maklumat di bawah Peraturan-Peraturan ini, oleh atau bagi pihak pemegang lesen itu.

(2) Suatu lesen hanya boleh dibatalkan di bawah subperaturan (1), selepas memberikan pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi secara bertulis, bahawa lesen itu tidak patut dibatalkan.

Lesen disifatkan terbatal

15. Lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini disifatkan terbatal apabila pemegang lesen—

- (a) menjadi tidak upaya mental;
- (b) telah diisytihar bankrap;
- (c) meninggal dunia;
- (d) dalam hal syarikat, digulung;
- (e) dalam hal perniagaan, ditamatkan atau dihentikan;
- (f) dalam hal perkongsian, koperasi, badan berkanun atau mana-mana entiti yang sah yang lain mengikut mana-mana yang berkenaan, dibubarkan; atau
- (g) dalam hal pertubuhan kesatuan pekerja, dibatalkan.

Penggantian lesen

16. (1) Jika suatu lesen hilang, musnah atau rosak, pemegang lesen hendaklah membuat permohonan untuk mendapatkan lesen gantian dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pengarah tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Lesen gantian yang dikeluarkan hendaklah diendorskan dengan perkataan “GANTIAN”.

(3) Lesen gantian yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

Lesen bersesama

17. (1) Mana-mana lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikeluarkan oleh Pengarah secara bersesama dengan mana-mana lesen lain di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Lembaga.

(2) Lesen di bawah subperaturan (1) bolehlah dikeluarkan dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Pembatalan lesen yang dikeluarkan secara bersesama dengan mana-mana lesen lain di bawah subperaturan (1) tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen lain yang telah dikeluarkan secara bersesama dengannya.

Pengecualian

18. Lembaga boleh, sama ada dengan atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana orang atau pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN III

PEMBUANGAN AIR KEMBALIAN, DAN KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN BUANGAN DAN BAHAN PENCEMAR KE DALAM SUMBER AIR

Titik pelepasan akhir

19. Pembuangan air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam sumber air hendaklah dari titik pelepasan akhir yang ditentukan dalam lesen.

Caj air kembalian

20. Pemegang lesen hendaklah membayar caj air kembalian sebagaimana yang ditetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta* menurut perenggan 44(1)(b) Enakmen.

Caj kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai

21. Jika sesuatu pemeriksaan yang dibuat di bawah peraturan 29, didapati bahawa bahan buangan dan bahan pencemar yang dimasukkan atau dilepaskan ke dalam sumber air melebihi had piawai dalam Jadual Ketiga, pemegang lesen hendaklah membayar caj mengikut kaedah pengiraan yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Had piawai bagi parameter kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam sumber air

22. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, had piawai bagi parameter kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam sumber air hendaklah dianalisis mengikut kaedah *Standard Methods for the Examination of Water and Wastewater*, yang diterbitkan bersama oleh *American Public Health Association*, *American Water Works Association* dan *Water Environment Federation of the United States* edisi terkini, atau apa-apa jua kaedah analisis lain yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Tiada seorang pun dibenarkan untuk menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar yang telah dianalisis mengikut keperluan subperaturan (1) ke dalam sumber air sekiranya ia mengandungi bahan yang mempunyai kepekatan yang melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan A dalam Jadual Ketiga.

Anggapan

23. (1) Pada mengira caj yang kena dibayar di bawah peraturan 21, pemegang lesen itu hendaklah, kecuali dibuktikan sebaliknya, dianggap telah memasukkan atau melepaskan bahan buangan dan bahan pencemar yang melebihi had piawai dalam Jadual Ketiga itu selama tempoh enam bulan sebelum pemeriksaan di bawah peraturan 29 dibuat.

(2) Tempoh yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) tidak terpakai jika lesen dikeluarkan kurang daripada enam bulan sebelum pemeriksaan itu, maka tempoh itu dianggap bermula dari tarikh pengeluaran lesen hingga tarikh pemeriksaan itu.

ILUSTRASI

- (a) Premis A dikeluarkan lesen pada 1.3.2023. Pemeriksaan ke atas premis A dibuat pada 31.10.2023 dan mendapati premis A telah memasukkan atau melepaskan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai yang dibenarkan.

Anggapan hari berlaku kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai yang dibenarkan adalah dikira enam bulan sebelum tarikh pemeriksaan dijalankan iaitu dari tempoh 1.5.2023 sehingga 31.10.2023 bersamaan 184 hari.

- (b) Premis B dikeluarkan lesen pada 1.3.2023. Pemeriksaan ke atas premis B dibuat pada 1.6.2023 dan mendapati premis B telah memasukkan atau melepaskan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai yang dibenarkan.

Anggapan hari berlaku kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai yang dibenarkan adalah dikira daripada tarikh lesen dikeluarkan sehingga tarikh pemeriksaan dijalankan iaitu bersamaan 93 hari.

Peruntukan berkenaan premis

24. Pemegang lesen yang menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar ke dalam sumber air hendaklah, berkenaan dengan premis, melengkapkan tempat atau titik pensampelan, ruang pemeriksaan, penyukat kadar alir, alat-alat merekodkan dan radas lain sebagaimana yang dikehendaki dari semasa ke semasa oleh Pengarah.

Langkah mitigasi tumpahan, kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar

25. (1) Sekiranya berlaku kemalangan, tumpahan, kemasukan atau pelepasan secara tidak sengaja bahan buangan dan bahan pencemar sama ada masuk

secara langsung atau tidak langsung ke dalam sumber air yang menyebabkan pencemaran terhadap sumber air atau risiko pencemaran, pemegang lesen hendaklah—

- (a) dengan segera mengambil apa-apa langkah yang perlu sehingga ke tahap yang memuaskan hati Pengarah untuk meminimumkan kesan atau risiko pencemaran kepada sumber air atau persekitarannya; dan
- (b) memaklumkan kepada pegawai yang diberi kuasa dengan serta-merta berkenaan kemalangan, tumpahan, kemasukan atau pelepasan secara tidak sengaja itu.

(2) Pengarah boleh mengeluarkan arahan yang difikirkan perlu kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa untuk menangani apa-apa ancaman kepada kesihatan dan keselamatan awam atau kepada sumber air dan persekitarannya dalam keadaan yang diperihalkan dalam subperaturan (1) dan pemegang lesen hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan yang terlibat.

Pencairan bahan buangan dan bahan pencemar

26. Pemegang lesen tidak boleh mencairkan, menyebabkan atau membenarkan dicairkan, mana-mana bahan buangan dan bahan pencemar, sama ada mentah atau dipulihkan, pada bila-bila masa atau pada mana-mana takat selepas ia dihasilkan di mana-mana premis.

Kuasa mengalih dan melupus

27. (1) Pegawai yang diberi kuasa boleh mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana pemegang lesen atau pemunya yang menjalankan aktiviti yang dilesenkan yang menyebabkan pencemaran sumber air untuk mengalihkan atau mengambil semula bahan, material atau benda yang mencemarkan tersebut.

(2) Jika notis yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) gagal untuk dipatuhi oleh mana-mana pemegang lesen atau pemunya, pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil bahan, material atau benda yang ditinggalkan atau dibuang, dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggung daripada pemegang lesen atau pemunya tersebut.

(3) Apa-apa bahan, material atau benda yang mencemarkan sumber air yang diambil oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah subperaturan (2) adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen-seksyen 99A, 99B, 99C, 99D, 99E dan 99F Enakmen.

BAHAGIAN IV

KAWALAN AM

Kawalan am pembuangan air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar

28. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis yang menjalankan aktiviti yang dilesenkan dilengkapi dengan kelengkapan sukatan atau rakaman melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Pengarah.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan kelengkapan sukatan dipasang di titik pelepasan akhir air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar sepertimana yang ditentukan dalam lesen.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan kemudahan akses dan kawasan sekitar ke tempat titik pelepasan akhir adalah munasabah.

(4) Pemegang lesen hendaklah atas kosnya sendiri memastikan semua kelengkapan sukatan atau rakaman sentiasa berfungsi dalam keadaan baik.

(5) Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk mengubah, mengusik atau mengalih kelengkapan sukatan atau rakaman kecuali dengan kebenaran Pengarah.

(6) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Pengarah secara bertulis dalam tempoh empat belas hari sebelum menghentikan aktiviti yang dilesenkan itu.

Pemeriksaan pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen

29. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh—

- (a) memasuki mana-mana premis yang menjalankan aktiviti yang dilesenkan bagi maksud memeriksa pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen; dan
- (b) menghendaki pemegang lesen atau pemunya mana-mana premis untuk memberi segala bantuan atau kemudahan yang munasabah.

BAHAGIAN V

AM

Penalti am

30. Pemegang lesen yang—

- (a) melakukan perbuatan yang dilarang di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) tidak melakukan perbuatan yang dikehendaki atau diarah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
- (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini,

melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain

31. Pengeluaran mana-mana lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis

yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan itu.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

32. (1) Peraturan-Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 [*Sel. P.U. 43/2012*] dibatalkan.

(2) Apa-apa lesen, notis atau arahan yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen atau kelulusan itu habis tempoh, dibatalkan, atau notis atau arahan itu dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan, yang hanya bagi maksud itu Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(3) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 2]
SENARAI AKTIVITI YANG DILESENKAN

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Deskripsi (had keluasan/bilangan/jenis)
		Pembuangan air kembalian Kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar
1.	Akuakultur air tawar, air payau atau air masin	Tiada had keluasan/bilangan/jenis.
2.	Perladangan unggas	Ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu tanpa mengira had keluasan ladang atau bilangan unggas.
3.	Penternakan ruminan	Lembu, kambing, bebiri, kerbau, rusa dan lain-lain tanpa mengira had keluasan ladang atau bilangan ruminan.
4.	Pemeliharaan haiwan	Anjing, kucing atau haiwan peliharaan lain yang mempunyai bilangan dua puluh (20) ekor atau lebih.
5.	Pencucian bahan batuan	Pasir biasa, tanah atau bahan batuan yang lain tanpa mengira had keluasan atau kuantiti.
6.	Rumah sembelihan	Semua rumah sembelihan berlesen di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [Akta 507].
7.	Rekreasi	Aktiviti rekreasi yang menyebabkan pembuangan air kembalian, dan kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar.
8.	Pembangunan atau kerja tanah	Tiada had keluasan.
9.	Perlombongan pasir biasa	Tiada had keluasan. Kurang daripada lima puluh (50) hektar.
10.	Perindustrian	Perlombongan pasir biasa yang melibatkan kawasan yang kurang daripada dua puluh (20) hektar. (i) Memproses, mengilang, membasuh atau membersihkan mana-mana produk atau apa-apa barang lain yang menghasilkan efluen perindustrian atau efluen bercampur kurang daripada 60 meter padu sehari;

			(ii) Memproses, mengilang, membasuh atau membersihkan mana-mana produk atau apa-apa barang lain yang jumlah muatan keperluan oksigen biokimia (BOD ₅ pada 20°C) atau pepejal terampai atau kedua-duanya, tidak boleh melebihi 6 kilogram sehari (kepekatan 100 miligram setiap liter).
11.	Perkhidmatan perawatan kumbahan	<p>Premis yang mengumpul, membawa, merawat dan melupus kumbahan yang dikembalikan ke dalam sumber air sebagai air kembalian tanpa mengira had keluasan/bilangan/ jenis.</p> <p>Premis yang mengasingkan, menstor, memungut, mengangkut, memindah, memproses, mengitar semula, mengolah dan melupuskan sisa pepejal terkawal tanpa mengira had keluasan/bilangan/ jenis.</p>	<p>Premis yang membuang kumbahan ke dalam sumber air bagi perumahan atau pembangunan perdagangan atau kedua-duanya yang mempunyai bilangan penduduk setara kurang daripada seratus lima puluh.</p> <p>Tiada</p>
12.	Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal	<p>Perawatan air yang diambil daripada alur air dan pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna termasuklah pengendalian dan penyenggaraan sistem bekalan air tanpa mengira had keluasan/bilangan/jenis.</p>	Tiada
13.	Perkhidmatan bekalan air		

JADUAL KEDUA
[Subperaturan 3(3), 4(3), 11(2), 12(2), 13(1) dan 16(1)]

FI PENDAFTARAN DAN FI LESEN

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Fi pendaftaran (RM)	Fi lesen (RM)	
			Pembuangan air kembalian (tahunan)	Kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar (tahunan)
1.	Akuakultur air tawar, air payau atau air masin: (i) kurang 5 hektar (ii) lebih 5 hektar	50.00 50.00	10.00 50.00 dan tambahan 2.00 bagi setiap 1 hektar berikutnya	100.00 150.00 dan tambahan 2.00 bagi setiap 1 hektar berikutnya
2.	Perladangan unggas: (i) 1 hingga 500 ekor (ii) 501 hingga 5000 ekor (iii) 5001 hingga 10000 ekor (iv) 10001 hingga 15000 ekor (v) 15001 hingga 20000 ekor (vi) 20001 hingga 30000 ekor (vii) 30001 hingga 40000 ekor (viii) 40001 hingga 50000 ekor (ix) 50001 ekor dan ke atas	50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00	10.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00 50.00	20.00 70.00 130.00 240.00 350.00 460.00 570.00 680.00 790.00
3.	Penternakan ruminan: (i) kurang 50 ekor (ii) lebih 50 ekor	50.00 50.00	10.00 50.00	150.00 250.00
4.	Pemeliharaan haiwan	150.00	200.00	750.00
5.	Pencucian bahan batuan	150.00	200.00	750.00
6.	Rumah sembelihan	150.00	200.00	750.00
7.	Rekreasi	150.00	200.00	750.00
8.	Pembangunan atau kerja tanah	150.00	200.00	750.00
9.	Perlombongan pasir biasa	150.00	200.00	750.00

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Fi pendaftaran (RM)	Fi lesen (RM)	
			Pembuangan air kembalian (tahunan)	Kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar (tahunan)
10.	Perindustrian	150.00	200.00	750.00
11.	Sistem pengolahan kumbahan	150.00	200.00	750.00
12.	Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal	150.00	200.00	Tiada
13.	Perkhidmatan bekalan air	150.00	200.00	Tiada

FI UMUM

Bil.	Jenis fi	Fi (RM)
1.	Salinan benar lesen [subperaturan 11(2)]	50.00
2.	Perubahan maklumat [subperaturan 12(2)]	50.00
3.	Pindah milik lesen [subperaturan 13(1)]	200.00
4.	Penggantian lesen [subperaturan 16(1)]	100.00

JADUAL KETIGA

[Peraturan 2, 21, subperaturan 22(2) dan 23(1)]

PARAMETER DAN HAD PIAWAI KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN BUANGAN DAN BAHAN PENCEMAR

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Parameter	Had piawai kemasukan atau pelepasan A	Had piawai kemasukan atau pelepasan B
1.	Akuakultur air tawar, air payau atau air masin	Nitrogen Ammonia	1 mg/l	5 mg/l
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	20 mg/l	50 mg/l
		Pepejal Terampai	50 mg/l	100 mg/l
		Jumlah Nitrogen	5 mg/l	10 mg/l
		Jumlah Fosforus	0.5 mg/l	1 mg/l

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Parameter	Had piawai kemasukan atau pelepasan A	Had piawai kemasukan atau pelepasan B
2.	Perladangan unggas	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Pepejal Terampai	5 mg/l 50 mg/l 250 mg/l 50 mg/l	10 mg/l 250 mg/l 500 mg/l 100 mg/l
3.	Penternakan ruminan	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Pepejal Terampai	5 mg/l 50 mg/l 250 mg/l 50 mg/l	10 mg/l 250 mg/l 500 mg/l 100 mg/l
4.	Pemeliharaan haiwan	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Pepejal Terampai	5 mg/l 50 mg/l 250 mg/l 50 mg/l	10 mg/l 250 mg/l 500 mg/l 100 mg/l
5.	Pencucian bahan batuan	Pepejal Terampai Minyak dan Gris	50 mg/l 1 mg/l	100 mg/l 10 mg/l
6.	Rumah sembelihan	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Keperluan Oksigen Kimia (COD) Pepejal Terampai	5 mg/l 50 mg/l 250 mg/l 50 mg/l	10 mg/l 250 mg/l 500 mg/l 100 mg/l
7.	Rekreasi	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	5 mg/l 50 mg/l	10 mg/l 250 mg/l
8.	Pembangunan atau kerja tanah	Pepejal Terampai Minyak dan Gris	50 mg/l 1 mg/l	100 mg/l 10 mg/l
9.	Perlombongan pasir biasa	Pepejal Terampai Minyak dan Gris	50 mg/l 1 mg/l	100 mg/l 10 mg/l
10.	Perindustrian	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Pepejal Terampai Minyak dan Gris	10 mg/l 20 mg/l 50 mg/l 1 mg/l	20 mg/l 50 mg/l 100 mg/l 10 mg/l
11.	Sistem pengolahan kumbahan	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Pepejal Terampai Minyak dan Gris	15 mg/l 35 mg/l 75 mg/l 7.5 mg/l	20 mg/l 50 mg/l 100 mg/l 10 mg/l

JADUAL KEEMPAT
[Peraturan 21]

KAEDAH PENGIRAAN CAJ BAGI KEMASUKAN ATAU PELEPASAN BAHAN
BUANGAN DAN BAHAN PENCEMAR

1. Mana-mana kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar pada sesuatu masa hendaklah dikira sebagai pembuangan bagi satu hari yang genap.
2. Kadar di dalam ruang (2) susunan di bawah ini hendaklah dikira bagi setiap kilogram (kg) kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar yang melebihi had piawai yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.
3. Kadar bagi setiap kilogram (kg) bahan buangan dan bahan pencemar yang dimasukkan atau dilepaskan adalah seperti berikut:

(1) <i>Parameter</i>	(2) <i>Kadar bagi setiap kg bahan buangan dan bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan</i>
	(RM)
(i) Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	0.06
(ii) Keperluan Oksigen Kimia	0.08
(iii) Jumlah Pepejal Terampai	0.04
(iv) Minyak dan Gris	0.22
(v) Jumlah Nitrogen	0.04
(vi) Jumlah Fosforus	0.04
(vii) Nitrogen Ammonia	0.05

4. Pengiraan caj hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$= \frac{QE}{1000} \times (smh) \times (Kdu)$$

iaitu—

Q = kadar alir

E = lebihan had piawai

s = 60 saat

m = 60 minit


h = 24 jam

K = kadar bagi setiap kilogram bahan buangan dan bahan pencemar yang dilepaskan atau dimasukkan dalam perenggan 3

d = bilangan hari

- u = unit caj adalah gandaan 1 sekiranya melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan A tetapi tidak melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan B
- = unit caj adalah 2 sekiranya melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan B

5. Ilustrasi



- (a) X_0 : Tiada caj dikenakan kerana kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar tidak melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan A.
- (b) X_1 : Caj dikenakan dengan gandaan 1 unit kerana kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan A tetapi tidak melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan B.
- (c) X_2 : Caj dikenakan dengan gandaan 2 unit kerana kemasukan atau pelepasan bahan buangan dan bahan pencemar melebihi had piawai kemasukan atau pelepasan B.

JADUAL KELIMA
[Subperaturan 5(3)]

BAYARAN ANALISIS SAMPEL

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Parameter	Bayaran analisis (RM)	Bayaran pakej analisis (RM)
1.	Akuakultur air tawar, air payau atau air masin	Nitrogen Ammonia	40	180
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	50	
		Pepejal Terampai	40	
		Jumlah Nitrogen	50	
		Jumlah Fosforus	50	
2.	Perladangan unggas	Nitrogen Ammonia	40	130
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	50	
		Keperluan Oksigen Kimia (COD)	40	
		Pepejal Terampai	40	
3.	Penternakan ruminan	Nitrogen Ammonia	40	130
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	50	
		Keperluan Oksigen Kimia (COD)	40	
		Pepejal Terampai	40	
4.	Pemeliharaan haiwan	Nitrogen Ammonia	40	130
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	50	
		Keperluan Oksigen Kimia (COD)	40	
		Pepejal Terampai	40	
5.	Pencucian bahan batuan	Pepejal Terampai	40	80
		Minyak dan Gris	50	
6.	Rumah sembelihan	Nitrogen Ammonia	40	130
		Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	50	
		Keperluan Oksigen Kimia (COD)	40	
		Pepejal Terampai	40	

Bil.	Aktiviti yang dilesenkan	Parameter	Bayaran analisis (RM)	Bayaran pakej analisis (RM)
7.	Rekreasi	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C)	40 50	80
8.	Pembangunan atau kerja tanah	Pepejal Terampai Minyak dan Gris	40 50	80
9.	Perlombongan pasir biasa	Pepejal Terampai Minyak dan Gris	40 50	80
10.	Perindustrian	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Pepejal Terampai Minyak dan Gris	40 50 40 50	130
11.	Sistem pengolahan kumbahan	Nitrogen Ammonia Keperluan Oksigen Biokimia (BOD ₅ pada 20°C) Pepejal Terampai Minyak dan Gris	40 50 40 50	130

Dibuat 31 Mei 2024

[LUAS.600-1/3/12; PU.SEL.ADV.PS05/4/4]

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi
Lembaga Urus Air Selangor

Diluluskan 31 Mei 2024

[LUAS.600-1/3/12; PU.SEL.ADV.MMKN(R)01/35]

MOHD REIZAL BIN SUMAIRI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

DISCHARGE OF RETURN WATER, AND ENTRY OR DISCHARGE OF
WASTE AND POLLUTANTS (STATE OF SELANGOR)
LICENSING REGULATIONS 2024

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Application of licence
4. Issuance of licence
5. Conditions and restrictions of licence
6. Duration of licence
7. Deposit or security
8. Payment of fee
9. Fees shall not be refundable
10. Renewal of licence
11. Licence to be displayed or produced
12. Change of information
13. Licence shall not be transferable
14. Revocation of licence
15. Licence deemed to be revoked
16. Replacement of licence
17. Joint licence
18. Exemption

PART III

